

29 FEB 1996

PM LANCAR PERKHIDMATAN HELIKOPTER LANGKAWI

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini melancarkan syarikat Langkawi Helicopter Services Sdn Bhd (LHS), yang akan menyediakan perkhidmatan helikopter di bahagian utara Semenanjung.

Perdana Menteri melakukan upacara menepung tawar ke atas helikopter ECUREUIL A350BA milik syarikat itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat di sini.

Upacara ringkas itu dijalankan di landasan lapangan terbang tidak lama sebelum Datuk Seri Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berlepas ke Bangkok untuk menghadiri sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan Asia dan Eropah (ASEM) selama dua hari yang bermula esok.

Pelancaran LHS menandakan komitmen syarikat itu mengadakan perkhidmatan terutama di kawasan pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Dalam satu kenyataan Ketua Eksekutif LHS, Mohamad Abdullah berkata syarikat itu yang akan beroperasi dari Langkawi akan memberi keutamaan kepada destinasi di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, bagi memainkan peranan utama dalam industri pelancongan terutama di Langkawi.

Pada masa ini perkhidmatan LHS lebih tertumpu kepada penerbangan secara sewa dan merupakan satu-satunya syarikat helikopter yang menyediakan perkhidmatan seperti itu di kawasan Utara.

Mohamad berkata syarikat itu akan menawarkan perkhidmatan kecemasan dan pelancongan selain bagi urusan penyelidikan dan gerakan mencari dan menyelamatkan, perkhidmatan VIP dan korporat, penggambaran dari udara dan perfileman.-- BERNAMA

MFJ OBA.